

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan dan diteliti satu persatu, saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbang dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Pada mesyuarat Jawatankuasa yang telah kita tangguhkan pada sebelah pagi tadi, kita telah membahaskan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Saya kira semua soalan yang dikemukakan dan pertanyaan-pertanyaan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah pun dijawab dengan teliti oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Maka jika sekiranya tidak ada apa-apa lain yang ingin dikemukakan, saya cadangkan supaya Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini kita undi sebelum diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan
tanda bersetuju)**

Terima kasih. Ahli-ahli yang menentang. Oleh yang demikian, Belanjawan Tajuk Kementerian Hal Ehwal Ugama diluluskan.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan Kementerian Pembangunan. Seperti lazimnya, sebelum Tajuk ini kita bincangkan dan bahaskan saya ingin memberi peluang dahulu kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk membuat ucapan pendahulunya atau mukadimahya mengenai Belanjawan Kementerian Pembangunan ini. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri
Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi sebelum Jawatankuasa ini membincangkan bajet Kementerian

Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, kaola ingin mengongsikan secara ringkas mengenai tumpuan dan keutamaan Kementerian Pembangunan bagi Tahun Kewangan 2016/2017.

Pada Tahun Kewangan 2016/2017, dengan mengambil kira perlunya pengukuhan dan pengawalan serta penjimatan perbelanjaan kerajaan. Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di dalamnya telah disokong untuk disediakan peruntukan sebanyak \$234,779,890 iaitu merupakan penurunan hampir 21 peratus dari peruntukan yang diluluskan bagi Tahun Kewangan 2015/2016. Secara ringkas, peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Pembangunan adalah seperti berikut:-

1. Gaji Kakitangan secara keseluruhannya disediakan sebanyak \$104,353,700;
2. Perbelanjaan Berulang-Ulang diperuntukkan sebanyak \$116,224,050; dan
3. Perbelanjaan Khas diperuntukkan sebanyak \$14,202,140.

Peruntukan yang diluluskan termasuk bagi melaksanakan 6 projek atau pembelian baharu berjumlah \$1,520,000 termasuk 2 projek dan harga rancangan \$1.5 juta dan bagi melaksanakan 12 projek pengambilan semula berjumlah \$12,682,140 termasuk 8 projek dan harga rancangan \$17,100,000 yang dibutirkan dalam

Rang Belanjawan Kementerian Pembangunan.

Sesuai dengan tema Belanjawan Tahun Kewangan 2016/2017 iaitu "Mengukuhkan Iklim Perekonomian Bagi Mendukung Pembangunan Berterusan", Kementerian Pembangunan dalam melaksanakan tanggungjawabnya secara amnya akan memberikan penekanan kepada perkara-perkara berikut:-

1. Kemesraan Pelanggan terhadap komuniti bisnes dan orang ramai (*business citizen friendliness*);
2. Penjanaan dan pengukuhan hasil kewangan dari aktiviti-aktiviti (program-program dan projek-projek yang dikendalikan);
3. Pembaikan pengurusan *cash flow* atau aliran tunai termasuk keberkesanan pengutipan hasil dan penyelesaian isu-isu tunggakan;
4. Peningkatan efisiensi dalam pengurusan kos sama ada berupa kos organisasi mahupun kos projek-projek yang dikendalikan dengan pengutamaan aktiviti-aktiviti yang terpenting serta skop kerja yang benar-benar perlu, termasuk penekanan *cost effectiveness* melalui *organisational streamlining and consolidation* dan pengendalian program-program dan projek-projek dengan penekanan kepada *value for money*;

5. Pengenalan kaedah-kaedah *PPP* (*Private Public Partnership*) dalam pelaksanaan projek-projek yang bersesuaian dan *bankable* dengan melibatkan kepakaran-kepakaran pelaburan dan kewangan dari luar Kementerian Pembangunan yang berkepentingan; dan
6. Pertimbangan kesesuaian bagi pengkorporatan dan penswastan mana-mana perkhidmatan-perkhidmatan yang berpotensi di *corporatised* atau di *privatise*.

Deliverables atau penyampaian perkhidmatan yang menjadi fokus dan keutamaan Kementerian Pembangunan, secara khususnya ialah seperti berikut:-

1. Rancangan Perumahan Negara yang berdaya tahan (*sustainable*) bagi manfaat golongan sasaran yang berkelayakan dan memerlukan;
2. Perancangan dan penggunaan tanah yang optimum dengan fokus terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi negara;
3. Proses permohonan-permohonan orang ramai yang lebih efisien;
4. Projek-projek kerajaan seperti pembinaan Rancangan Perumahan Negara dan kemudahan awam yang mula dibiayai melalui *PPP*;
5. Jumlah pegawai-pegawai *competent* dan *professional* yang meningkat

melalui pengurusan sumber tenaga yang terarah; dan

6. Kapasiti pengurusan kontrak perundangan dan penguatkuasaan yang lebih mantap.

Menyentuh mengenai Rancangan Perumahan Negara sehingga kini lebih 24 ribu buah rumah yang telah dianugerahkan kepada penerima yang berkelayakan di seluruh negara. Cabaran utama Rancangan Perumahan Negara ini ialah kedayatahan atau *sustainability* kerana kadar subsidi yang sangat tinggi. Ketidakmampuan penerima membayar balik yang menjadikan tunggakan semakin meningkat dan sumber tanah yang terhad untuk meneruskan Rancangan Perumahan Negara secara berkepadatan rendah (*low density*).

Di samping itu juga, dari segi kelayakan dan keperluan terdapat golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan perumahan tetapi tidak menepati syarat kelayakan untuk mengikut skim yang ada pada masa ini. Di sebaliknya, terdapat pula mereka yang berpendapatan lumayan dan sepatutnya mampu mendapat perumahan di pasaran terbuka tetapi menikmati subsidi perumahan yang tinggi.

Isu perumahan ini **memang kompleks** dan dalam hal ini, alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah memperkenankan

penubuhan satu *housing focus group* yang melibatkan beberapa kementerian dan jabatan untuk sama-sama menimbangkan isu-isu perumahan dan berkaitan dengannya yang terpenting secara holistik dan komprehensif dan membuat cadangan-cadangan tertentu bukan sahaja dengan menumpukan kepada rancangan perumahan negara tetapi secara lebih meluas lagi.

Seterusnya, berhubung dengan perancangan dan penggunaan tanah secara optimum dengan fokus terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi negara. Kajian Negara Brunei Darussalam *Masterplan* 2006 sehingga 2025 mendapati tanah-tanah yang mudah untuk dimajukan atau *easy developable* di negara ini hanyalah 5.5 peratus atau lebih kurang 32 ribu hektar sahaja dari keluasan seluruh Negara Brunei Darussalam. Selebihnya ialah kawasan-kawasan yang memerlukan kos pemajuan yang lebih tinggi atau kawasan-kawasan yang terpelihara seperti kawasan tadahan untuk bekalan air, hutan simpan dan inisiatif Nadi Borneo atau *Heart of Borneo*.

Untuk mendukung kegiatan perekonomian, setakat ini seluas 1,533 hektar tanah-tanah untuk kegiatan industri telah diserahkan di bawah kawalan agensi-agensi kerajaan yang mempromosikan kegiatan industri. Manakala, 5,373 hektar lagi telah dikenal pasti untuk kegunaan industri bilamana diperlukan nanti. Keluasan ini tidaklah termasuk tanah-tanah persendirian bagi kegiatan yang

bersyaratkan perniagaan atau perusahaan dengan seluas 158 hektar tanah persendirian di negara ini adalah bersyaratkan perniagaan dan 1,266 hektar pula bersyaratkan perusahaan.

Menyentuh mengenai proses-proses permohonan orang ramai yang lebih efisien, Kementerian Pembangunan memang banyak terlibat dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Menyedari akan hal ini, proses-proses permohonan akan sentiasa dikaji dan diperbaiki sebagaimana perlu.

Walau bagaimanapun, saya cuma ingin menyentuh mengenai 2 jenis perkhidmatan yang berkaitan dengan Petunjuk Bank Dunia dalam Laporan *Ease of Doing Business* kerana terdapat banyak pengalaman dalam memperbaiki proses yang boleh dilaratkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Petunjuk yang berkaitan di Kementerian Pembangunan ialah *Registering Property* dan *Dealing with Construction Permit*.

Bagi *Registering Property* yang berkaitan dengan proses pindah milik tanah, walaupun negara menduduki tempat ke-148 tetapi reformasi dan pembaikan yang telah dilaksanakan telah dapat mengurangkan tempoh proses dari hampir 300 hari yang dilaporkan Bank Dunia kepada purata 98 hari bagi permohonan-permohonan bulan Disember 2015 iaitu menurut data terkini yang dipantau oleh Unit PENGGEAK di Jabatan Perdana Menteri. Tempoh proses ini akan diperbaiki lagi dengan adanya sistem *Learn Application*

and Registration Information System (LARIS) yang percubaannya telah dilancarkan pada bulan Februari yang lalu dengan sistem memudahkan pengguna menjalankan urusan niaga berkaitan tanah secara *online*.

Bagi *Dealing with Construction Permit* pula, negara menduduki tempat yang ke 21, tetapi sungutan orang ramai di negara ini ialah kelambatan mendapat kebenaran. Dengan mulanya berkuat kuasa Perintah Kawalan Bangunan 2014 pada 1 November 2015, proses-proses mendapatkan kebenaran memulakan kemajuan, kebenaran mendiami dijangka akan dapat dipercepatkan lagi terutama bagi kerja-kerja kecil atau sederhana.

Permohonan bagi kebenaran kemajuan akan diproses mengikut kategori berasaskan saiz kemajuan dengan fokus kepada perusahaan dan perniagaan. Kebenaran memulakan kemajuan telah dikurangkan TPOR nya dari 7 hari kepada 1 hari dan kebenaran mendiami sedang diteliti cara untuk memendekkan tempoh prosesnya.

Menyentuh mengenai pembiayaan projek melalui *TPP*. Mengenai pembiayaan projek-projek dan kemudahan awam melalui *Public Private Partnership*, ini Kementerian Pembangunan sedang giat berusaha menilai dan menyenaraikan perkhidmatan-perkhidmatan projek infrastruktur yang berpotensi untuk dibiayai secara kerjasama atau *TPP* ini. Antara projek-projek yang telah dikenal pasti mempunyai potensi setakat

ini ialah projek perumahan dan perkhidmatan air.

Kementerian Pembangunan juga akan berkerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk menggunakan kaedah *TPP* yang berpatutan yang dapat memberi pulangan kepada para pelabur dan yang dapat disesuaikan dengan keadaan iklim perekonomian negara.

Mengenai pengurusan sumber tenaga manusia. Pengurusan sumber tenaga manusia untuk meningkatkan jumlah pegawai-pegawai kompeten dan profesional. Kementerian Pembangunan sedang merangka pengurusan sumber tenaga manusia yang lebih terarah dengan mereviu struktur organisasi jabatan-jabatan dan pengagihan sumber tenaga manusia masing-masing. Menilai keperluan, meningkatkan atau menseimbangkan kakitangan teknikal dan bukan teknikal, melihat keperluan menggabung sumber, menyediakan *career development part* dan perancangan penggantian atau *succession planning*.

Mengenai kapasiti penguatkuasaan yang lebih mantap, diakui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan kerajaan yang ada pada masa ini masih banyak yang boleh diperbaiki. Isu-isu yang ketara ialah seperti isu-isu pencerobohan tanah kerajaan, kemajuan atau kegiatan yang dijalankan tanpa ada kebenaran, pembuangan sampah yang tidak teratur dan sebagainya.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan berhasrat untuk menggabungkan tenaga penguatkuasaannya dengan penguat kuasa-penguat kuasa yang lain di jabatan-jabatan kerajaan yang berkepentingan yang dengan penggabungan ini diharapkan akan lebih berupaya menjalankan penguatkuasaan secara lebih bersepadu.

Salah satu isu yang boleh juga dianggap sebagai satu isu penguatkuasaan ialah isu tunggakan. Pada masa ini tunggakan utama di kementerian ialah tunggakan tanah sebanyak \$3 juta, tunggakan bayaran Perancangan Perumahan Negara sebanyak \$25 juta dan tunggakan bayaran air sebanyak \$33 juta. Tunggakan-tunggakan sedemikian ini, setentunya lah membebankan dan merugikan kerajaan.

Oleh yang demikian, Kementerian Pembangunan melalui jabatan-jabatan berkenaan akan meningkatkan usaha dengan lebih giat lagi untuk mengutip tunggakan-tunggakan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 05 Mac 2016 yang lalu, antara lain telah menekankan "apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *delivery*

atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan".

Selaras dengan titah baginda itu, saya ingin mengongsikan bahawa Kementerian Pembangunan dalam memacu reformasi sama ada ke arah perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang ramai mahupun proses-proses dalaman agar lebih berkesan. Sejak bulan November 2015, telah memperkenalkan *rolling 90 day plan* (pelan 90 hari) sebagai pendekatan pembaikan berterusan (*continues improvement*) di negara ini.

Berasaskan pelan ini, cadangan-cadangan pembaikan disenaraikan oleh jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di dalam kementerian dan kemajuan setiap inisiatif dipantau secara berkala sekurang-kurangnya setiap selepas 3 bulan. Walaupun inisiatif ini baru saja diperkenalkan dan masih terlalu awal untuk menilai berjaya atau tidaknya, setakat ini ia telah dapat membuahkan hasil awal dengan menumpukan pemikiran khususnya dalam kalangan peringkat ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kementerian untuk sentiasa mengusahakan secara berterusan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekianlah sahaja secara ringkasnya yang dapat kaola terangkan mengenai tumpuan-tumpuan utama dan perkara-perkara keutamaan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di dalamnya bagi Tahun Kewangan 2016/2017 ini sebagai asas perbincangan terhadap sokongan

peruntukan bagi Kementerian Pembangunan sekarang ini. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Yang Berhormat Menteri telah pun menggariskan tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat kementeriannya dan juga sasaran-sasaran yang ditujunya berhubung dengan belanjawan yang ada ini. Saya ingin membukakan **perbincangan** mengenai dengan Tajuk ini dan dalam senarai saya terdapat 15 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta. Saya persilakan sekarang untuk memulakannya Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul. Hamid.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Saya terlebih dahulu mengalu-alukan inisiatif-inisiatif Kementerian Pembangunan yang telah disampaikan dalam mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi.

Merujuk kepada Anggaran Perbelanjaan 2016/2017 dalam kumpulan Tajuk 002/000 - Perbelanjaan Rancangan dan Pengurusan Polisi iaitu Tajuk 002/003 - Merancang dan melaksanakan pembangunan infastruktur ke arah Wawasan Brunei 2035, Tajuk 002/004 - Langkah-langkah pengauditan industri

pembinaan dan Tajuk 002/006 - Merangka dan menerbitkan pelan strategik yang baharu serta Kertas Putih Kementerian Pembangunan.

Saya yakin, semua yang berkepentingan mengalu-alukan akan inisiatif-inisiatif tersebut. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Industri pembinaan merupakan antara industri yang pertama terjejas dalam kitaran ekonomi (*economic cycle*) bagi mana-mana negara termasuk negara kita. Oleh itu penting, diambil tindakan awal supaya kesan kitaran ekonomi tidak akan menjejaskan *core capability* atau keupayaan teras industri berkenaan.

Ianya juga akan menjejaskan produktiviti industri berkenaan dalam jangka waktu pendek dan sederhana. Di samping itu, ia juga boleh mengurangkan kualiti apabila terdapat kekurangan pekerja-pekerja mahir termasuk dalam pengurusan teknikal dan profesional.

Semasa *upward cycle* (kitaran menaik) atau mereka tidak akan dapat mempraktikkan kemahiran secara berterusan semasa *downward cycle* (kitaran menurun) dan juga dari segi *supplying demand*, ada baiknya pihak kerajaan untuk mengambil peluang ketika berkurangnya *demand* yang membolehkan tawaran yang lebih kompetitif.

Seterusnya merancang untuk mengelakkan terjadinya *demand* terlalu tinggi yang menyebabkan harga

tawaran yang melambung naik. Soalan saya:-

1. Apakah perkara-perkara yang ditangani dalam rancangan pengauditan kapasiti dan Kertas Putih yang berkenaan? Bilakah dapatan-dapatannya akan dapat dikeluarkan?; dan
2. Adakah isu *cyclical demand* (kitaran permintaan) ini akan ditangani atau diuruskan?

Berhubung dengan rancangan masa panjang, saya ingin menyentuh mengenai Rancangan Perumahan Negara, walaupun ianya sedikit sebanyak telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan awal tadi.

Saya lebih dahulu memetik sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, semasa Majlis Perasmian Sambutan 60 tahun Rancangan Perumahan iaitu pada April 2014 iaitu: Tempoh 60 tahun kita melaksanakan Rancangan Perumahan Negara adalah satu jangka masa yang panjang. Ini jelas menunjukkan komitmen yang bersungguh-sungguh kerajaan untuk menyediakan perumahan untuk rakyat jelata.

Matlamat adalah sangat jelas iaitu untuk memenuhi keperluan rakyat dari segi kualiti dan jangka masa pemilikan rumah.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda iaitu mahu melihat permohonan-permohonan di bawah Rancangan Perumahan Negara akan dapat memiliki rumah dalam jangka masa tidak lebih dari 5 tahun pada tahun 2021.

Soalan saya ialah, adakah penilaian dibuat mengenai pencapaian skim perumahan dari segi kualiti penyediaan rumah-rumah yang disediakan? Adakah dalam rancangan untuk membentuk strategi baharu dalam menangani isu perumahan negara termasuk penglibatan sektor swasta dan membuat pembaikan-pembaikan untuk menyesuaikan cita rasa perumahan masa kini;

3. Dari segi jumlah perumahan yang dilaksanakan, apakah perancangan khusus untuk mencapai seperti yang disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri iaitu pemohon dapat memiliki rumah dalam jangka tidak melebihi 5 tahun menjelang tahun 2021; dan

4. Dalam perancangan perumahan negara dan estet-estet yang ada dan dalam rancangan, adakah diambil kira untuk mencapai hasrat kerajaan bukan sahaja untuk membangun rumah bahkan untuk membangun komuniti serta memperbaiki sosial dan *environmental outcome* (hasil sosial dan hasil persekitaran alam). Ini antaranya untuk mengukuhkan ikatan keluarga serta komuniti, meningkatkan keharmonian masyarakat, meningkatkan tahap pendidikan dan tahap persekitaran alam serta mengurangkan gejala sosial dan sebagainya.

Saya berharap rancangan dan penyediaan Pelan Induk Rancangan Kemajuan Negara dan Estet-Eстет akan terus dibuat dengan secara holistik dengan membuat penilaian berterusan dan maklum balas dari semua yang bekepentingan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap perkara-perkara yang saya timbulkan ini akan diambil pertimbangan dengan secara menyeluruh untuk menghasilkan perancangan yang lebih mantap. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan, sama ada Yang Berhormat

Menteri Pembangunan akan menjawab terus ataupun sebaliknya?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Kumpul dulu Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terlebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang telah kongsi. Kaola hendak menimbulkan 3 perkara:-

1. Mengenai Jabatan Tanah. Menurut *Key Performance Indicator (KPI)* Pejabat Tanah seperti yang dinyatakan dalam jadual Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2016/2017. Sejauh ini Jabatan Tanah masih belum berjaya untuk meluluskan permohonan-permohonan tanah dalam tempoh masa Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) dan dari sasaran yang dinyatakan bagi Tahun Kewangan 2015/2016, perkara ini akan cuba ditangani dengan membuat sasaran iaitu 20 peratus jumlah permohonan tanah akan cuba diluluskan dalam tempoh TPOR. Perkara ini telah pun disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan

dalam mukadimahnyanya dengan secara ringkas.

Setahu kaola, budaya agensi-agensi kerajaan menggunakan TPOR dalam memberikan perkhidmatan kepada orang awam telah dimulakan pada kira-kira akhir tahun 90-an. Kaola ingin bertanya, apakah masalah-masalah yang di hadapi oleh Jabatan Tanah dalam meluluskan permohonan-permohonan tanah sehingga masih belum berjaya mematuhi tempoh TPORnya?;

2. Berhubung dengan Jabatan Kerja Raya. Kaola terkejut apabila melihat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Jabatan Kerja Raya bagi perkara berhubung mengekalkan kualiti jalan raya dan *standard* keselamatan di peringkat antarabangsa. Ia menyatakan peratus mencapai *standard* kualiti antarabangsa permukaan jalan raya bagi tahun 2014/2015 ialah kurang dari 2 peratus dan bagi tahun 2015/2016 ialah kurang dari 1 peratus. Kalau kaola tidak salah faham, ini membawa erti bahawa permukaan jalan raya di negara ini masih belum lagi mencapai *standard* dan kualiti antarabangsa.

Masalah jalan raya ini telah pun disuarakan pada setiap tahun di Dewan yang mulia ini dan juga semasa sesi muzakarah dengan Kementerian Pembangunan.

Soalan kaola, pada setiap tahun kerajaan telah mengeluarkan

perbelanjaan yang besar bagi membina, memperbaiki dan menaik taraf jalan raya. Kenapa sejauh ini permukaan jalan raya di negara ini masih belum mencapai *standard* kualiti antarabangsa? Adakah ini disebabkan kontraktor-kontraktor yang dipilih untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan dan pembaikan jalan-jalan raya tidak mempunyai kepakaran atau tidak diberikan pengawasan yang berkesan? Kalau alasan disebabkan keadaan tanah dan cuaca, kaola fikir negara-negara jiran dan negara-negara di rantau ini juga mempunyai keadaan yang sama. Kaola memohon penjelasan mengenai dengan perkara ini; dan

3. Berhubung dengan Projek Pembinaan Jambatan Temburong. Kerja-kerja pembinaan Jambatan Temburong yang bernilai \$1.6 bilion telah bermula pada tahun 2014. Sementara pekerjaan membina jejambat bermula pada tahun lepas. Syarikat-syarikat utama yang menjalankan kerja-kerja bagi pembinaan projek mega ini adalah kerjasama antara syarikat-syarikat dari Korea Selatan, China dan 2 buah syarikat tempatan. Kaola juga difahamkan beberapa orang rakyat tempatan telah diambil bekerja oleh syarikat-syarikat asing yang terlibat.

Kaola hanya ingin bertanya, apakah *spin off* atau penghasilan sampingan yang diberikan oleh projek mega ini kepada industri-industri pengeluaran bahan-

bahan binaan tempatan, seperti industri simen dan industri konkrit tempatan? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola mengucapkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi. Walaupun ringkas, tetapi padat dan kaola menyambut baik atas beberapa projek yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan yang akan diluluskan ini. Antara lain yang menarik pada kaola ialah mesra pelanggan, pengawalan keberkesanan projek-projek yang akan diungkayahkan dan lain-lain lagi.

1. Kaola ingin menyentuh mengenai Jabatan Kerja Raya dengan peruntukan sejumlah \$160.1 juta bagi pembangunan infrastruktur dan pemeliharaan aset-aset kerajaan. Pada permesyuaratan kali kesebelas pada tahun lepas, kaola pernah menimbulkan tentang menaik taraf jalan raya dari Kampung Buau ke Kampung Melilas dan pemeliharaan jalan-jalan dan saliran-saliran di

kawasan luar bandar dan pedalaman yang sesetengahnya dalam keadaan kurang baik dan kurang selamat dilalui dan memerlukan pembaikan;

Kaola ingin bertanya:-

i. Bila agaknya kerja-kerja menaik taraf jalan dari Kampung Buau ke Kampung Melilas yang kaola sebelum ini dimaklumkan tawaran telah pun dikeluarkan dan bila ia akan dapat dimulakan?; dan

ii. Kaola berharap jalan-jalan yang kurang baik seperti yang kaola sebutkan di atas tadi akan dapat diusahakan untuk diperbaiki dari semasa ke semasa bagi menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan raya dan juga saliran-saliran, khususnya di kampung-kampung di Mukim Liang di Daerah Belait.?

2. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Peruntukan bagi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi pada tahun 2016/2017 ini berjumlah \$14.9 juta. Dalam memastikan keadaan alam sekitar dan taman-taman rekreasi yang di bawah jagaan jabatan tersebut sentiasa dalam keadaan terjaga dan terpelihara.

Kaola ingin bertanya:-

i. Sejauh ini berapa banyak sudahkah taman-taman rekreasi yang di bawah jagaan Jabatan

Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi sudah diwastakan dengan *Public Private Partnership (PPP)* khusus dari Daerah Belait.

- ii. *Skip* pembuangan sampah di kawasan pedalaman yang dahulunya di bawah jagaan Jabatan Daerah khususnya Daerah Belait. Alhamdulillah, pada tahun lepas telah pun diambil alih oleh pihak *JASTRE*. Penduduk-penduduk di kawasan tersebut membuang semua jenis sampah di *skip* yang disediakan, termasuklah sampah besi dan plastik dan lain-lain, disebabkan hanya satu *skip* yang disediakan.

Soalan kaola: Apakah perancangan pihak *JASTRE* dalam kita menangani tempat membuang sampah jenis besi dan plastik ini bukan sahaja di kawasan pedalaman bahkan di kawasan-kawasan yang lain juga?; dan

3. Jabatan Tanah. Proses penukaran milik tanah ketika ini masih mengambil masa yang agak lama untuk mendapat kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan. Ada sesetengah permohonan tergantung begitu lama tanpa sebarang penjelasan dan keputusan diterima. Walaupun penukaran milik tanah tersebut hanya melibatkan penukaran nama dalam kalangan ahli keluarga, kita memahami malah menyokong dan bersetuju atas sikap berhati-hati

kerajaan. Jika ia bertujuan untuk mengawal tanah jatuh kepada orang yang bukan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Soalan kaola: Ingin mendapat penjelasan yang memaparkan mesra pelanggan mengenai dengan kelambatan mendapat kelulusan di atas permohonan yang kaola sebutkan di atas tadi. Sekian Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi:
Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan membawa Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Hampir setiap tahun apabila musim hujan banyak kawasan rendah di setiap daerah menghadapi masalah banjir. Banjir terjadi setiap penghujung tahun dan tidak ketinggalan kepada tahun 2014 dan juga tahun 2015. Kaola juga pernah mendengar dari salah seorang yang terlibat dalam banjir di Kampung Tanjung Maya pada tahun 2014 yang lalu bahawa kerajaan sedang menimbangkan untuk menempatkan penghuni yang terlibat untuk dipindahkan ke kawasan Perumahan Bukit Beruang.

Dalam hal ini, sukacita kaola mendapat maklum balas daripada pihak yang bertanggungjawab apakah perkembangan terhadap perkara ini? Iaitu Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency. Projek mega yang sedang dan dalam pembinaan adalah Jambatan Penghubung Bandar Seri Begawan ke Temburong. Bandar Seri Begawan ke Kampung Sungai Kebun dan juga Pulau Muara Besar.

Jambatan-Jambatan ini akan dijangkakan siap tidak berapa lama lagi, terutamanya Jambatan Penghubung Bandar Seri Begawan ke Kampung Sungai Kebun. Seperti yang kita maklum penduduk di kawasan yang terlibat bagi Jambatan Penghubung Bandar Seri Begawan ke Temburong telahpun menerima taklimat-taklimat dari pihak-pihak yang berkuasa.

Walau bagaimanapun taklimat pada penduduk yang terlibat dalam kawasan pembinaan jambatan dari Sungai Kebun ke Jalan Residency belum lagi dibuat taklimat yang serupa. Dalam hal ini, kaola mencadangkan supaya satu Pelan Induk bagi setiap projek ini dengan adanya pelan induk ini maka bangunan dapat dirancang dengan teratur dan sistematik terutama sekali dari aspek penggunaan tanah.

Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Proses-proses permohonan tanah lambat. Kaola merujuk sesi muzakarah Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada

21 Januari 2016, kaola menyanjung tinggi penambahbaikan proses-proses dan prosedur-prosedur membantu *Ease of Doing Business* bagi proses pembangunan kemajuan tanah dan bangunan.

1. Proses-proses ini dikendalikan oleh autoriti bagi pengawalan bangunan dan industri pembinaan. *Authority for building control and construction industry* yang ia meliputi kesihatan, keselamatan, kebakaran, elektrik, pembentungan, saliran air, jalan raya dan Telbru. Mengikut taklimat yang diberikan *registering property* di Jabatan Tanah telah pun melaksanakan perubahan prosedur bagi pemohon pindah milik tanah iaitu bagi peringkat pertama pindah milik tanah semakin cepat dari 6 bulan kepada lebih kurang 15 hari.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam realitinya proses-proses yang di atas mengambil masa yang lebih lama adakalanya mengambil masa 1 atau lebih setahun. Dalam hal ini disarankan kementerian dan jabatan-jabatan yang lain untuk mengkaji semula *TPOR* ini untuk menghantarkan pandangan negatif oleh orang ramai.

Kaola juga mencadangkan supaya dasar-dasar kerajaan dapat diperbaiki dan mengurangkan birokrasi dan ketua-ketua jabatan diminta untuk meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai dan kakitangannya dalam melaksanakan tugas dengan lebih

efisien dalam menangani isu-isu yang dikemukakan oleh orang ramai. Kementerian dan jabatan hendaklah mengambil tindakan yang bersesuaian kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawabkan kerana tidak menjalankan tugas-tugas dengan amanah dan jujur; dan

2. Perancangan penggunaan tanah yang teratur. Salah satu matlamat kementerian pembangunan bagi penggunaan guna tanah yang teratur ialah untuk memastikan tanah sedia ada yang agak terhad dan digunakan secara optimum bagi pembangunan fizikal ke arah pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan untuk kesejahteraan rakyat.

Dalam hal ini kaola sukacita menimbulkan isu tanah-tanah persendirian dengan syarat penggunaan penanaman padi, getah dan sebagainya. Penggunaan tanah seperti yang disyaratkan di atas sudah tidak relevan dan sukar untuk dimajukan. Dengan mengambil kira keadaan semasa kaola cadangkan supaya pihak kerajaan akan dapat menukar syarat tanah tersebut kepada syarat perumahan atau perniagaan.

Ini juga akan meningkatkan hasil pendapatan negara melalui cukai tanah dan yang ada berhubung kait dengannya. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan mahu menjawab dahulu?.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Kaola menjawab 4 soalan sahaja. Kaola cuba menjawab apa yang dapat kaola jawab manakah yang kaola tidak dapat dijawab akan kaola baliki kemudian. Terima kasih.

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid berhubung soalan-soalan yang menyentuh Pelan Strategik Kementerian Pembangunan dan berkaitan dengan soalan itu ialah mengenai *cynical demand* yang sekarang ini. *Demandnya* ialah *down turn* (penurunan kitaran) dan apa yang difikirkan sesuai bagi menangani isu pakar-pakar di industri binaan yang sepatutnya dipertahankan kemahiran mereka ini kerana mereka ini adalah kompetensi yang akan diperlukan apabila *cycle* akan meningkat nanti.

Dari segi Pelan Strategik sedang dalam usaha untuk dibuat ketika ini dan sahaja akan dikongsikan secara terbuka insya-Allah. Dan dari segi apa yang dimasukkan dalam Pelan Strategik ini mungkin tidaklah jauh dari apa yang telah saya sampaikan dalam mukadimah saya dari segi tumpuan usaha yang bahawa tumpuan itu memang dalam bidang tanggungjawab Kementerian Pembangunan.

Apa yang mungkin berbeza sedikit ialah mengenai penekanan terhadap keberkesanan pelaksanaan. Pelan

Strategik sudah setentunya akan menfokus mengenai dengan kemungkinan keperluan meneliti semula dasar-dasar perundangan-perundangan, tatacara pengendalian dan mungkin peningkatan kapasiti yang diperlukan bagi pelaksanaan yang lebih berkesan dan bagi memastikan penyediaan perkhidmatan yang diperlukan kepada orang ramai mencapai apa yang dihasratkan. Itu secara umumnya Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai dengan sama ada akan difikirkan kesesuaian seperti yang disentuh berhubung dengan apa yang dipanggil dengan mungkin dalam bidang *economic pump framing* yang dalam keadaan ekonomi yang turun ini kitani cuba untuk *revariety* ekonomi dengan cara kerajaan berbelanja. Apa tah lagi dalam ekonomi yang menurun ini harga barang binaan yang memungkinkan pembekal-pembekal dan kontraktor-kontraktor, perunding-perunding akan bersedia menawarkan harga yang lebih kompetitif seperti yang dinyatakan itu.

Kaedah ini sudah banyak dipraktikkan di negara-negara yang fiskal dasar polisi telah mantap. Di negara kita pula ini satu perkara yang masih cuba diperkukuhkan terutama sekali dari segi:-

1. Sistem percukaian;
2. Subsidi yang menepati sasaran; dan
3. Kekukuhan sektor swasta.

Perkara ini perlu ada sebelum kita mengamalkan dasar polisi seperti negara lain yang menggunakan kaedah *pump framing*. Walau bagaimanapun dalam keadaan yang sedang difikirkan ialah pembiayaan alternatif. Oleh itu difikirkan mengenai kesesuaian *PPP* yang selalu kita sebut-sebut ketika ini. Juga kita cuba menarik *Foreign Direct Investment (FDI)* ke negara kita sebagai alternatif untuk pembiayaan projek-projek yang terdapat di negara ini. Mudah-mudahan satu cabaran utama ialah memastikan bahawa projek-projek yang akan ditawarkan kepada mereka ini adalah projek-projek yang *bankable* kalau tidak ada *bankable* tidak ada minat di pihak mereka.

Insyallah sekiranya kita berjaya dalam usaha kita dalam menarik pelabur-pelabur asing dan projek-projek dapat diungkayakan melalui *PPP* ini, ini merupakan satu lagi sumber untuk kerja-kerja pembinaan *construction industry* di **negara ini**. Insyallah, dalam keadaan sedemikian pakar-pakar kita akan terus dapat mempraktikkan kemahiran-kemahiran mereka.

Satu perkara yang kaola ingin sentuh mengenai bajet kita yang menurun pada masa ini, iaitu lebih kurang 10 peratus, 20 peratus tertakluk kepada kementerian lain. Kementerian kaola telah diturunkan lebih kurang 21 peratus. Dalam penurunan sedemikian, sekiranya pihak industri binaan bersedia untuk juga menurunkan harga tawaran mereka/harga pembekalan mereka, dengan sendiri penurunan 20 peratus di sektor

pembinaan akan dapat menyeimbangkan penurunan bajet kerajaan. Dengan cara ini mungkin tidak perlu terlalu banyak projek yang terbengkalai oleh sebab keadaan ekonomi sekarang.

Asal saja pihak swasta bersedia untuk memainkan peranan yang sama. Kaola berpendapat, perkara ini adalah *win-win situation* Yang Berhormat Pengerusi. Dengan berterusannya projek-projek, memanglah dengan keuntungan yang kurang sedikit tetapi pekerja-pekerja mahir akan terus dapat mempraktikkan kemahiran mereka.

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi berhubung dengan soalan pertama Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid. Kaola berpindah kepada soalan yang seterusnya berhubung dengan Jabatan Kemajuan Perumahan. Kaola sediakan jawapan di sini.

1. Skim Perumahan Negara sejak bermulanya sebagai Skim Perpindahan semenjak lebih 60 tahun yang lalu telah menjalani banyak perubahan dan penyesuaian dari segi reka bentuk dan kualiti perumahan yang disediakan. Pada masa ini Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan sedang menjalankan penilaian atau *review* secara menyeluruh mengenai dengan Skim Perumahan Negara termasuk juga mengenai reka bentuk perumahan dan kualiti pembinaan bagi rumah-rumah yang akan datang.

Penilaian ini akan melibatkan berbagai-bagai pihak dari agensi-agensi kerajaan dan orang ramai serta sektor bukan kerajaan. Ini yang kaola maksudkan dalam mukadimah kaola tadi yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan *Housing Focus Group*. Bidang/mandat yang diberikan untuk meneliti secara menyeluruh berbagai-bagai aspek perumahan ini;

2. Adakah dalam perancangan untuk membentuk strategi baharu dalam menangani isu perumahan negara termasuk penglibatan sektor swasta dan membuat pembaikan-pembaikan untuk menyesuaikan cita rasa perumahan terkini?

Seperti yang sudah dilaksanakan pada masa ini, bermacam-macam sudah perubahan yang telah kita lihat dari segi penyediaan bentuk perumahan umpamanya *cluster housing* dan *vertical housing*. Ini bukan saja difikirkan, tapi dilaksanakan. Secara terus-menerus akan diambil kira dalam memastikan bahawa cita rasa penerima-penerima rumah akan diambil kira dan seperti yang kaola maksudkan tadi *Housing Focus Group* juga akan memasukkan perkara ini sebagai salah satu perkara yang dipertimbangkan;

3. Dari segi jumlah perumahan yang dilaksanakan, apakah perancangan khusus untuk pencapaian seperti yang disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, iaitu pemohon dapat memiliki rumah dalam jangka tidak melebihi 5 tahun menjelang tahun 2021 bagi setiap daerah?

Apa yang kita lihat ialah di Daerah Tutong, Daerah Temburong dan Daerah Belait, matlamat ini sudah tercapai tapi yang belum tercapai ialah di Daerah Brunei dan Muara. Tempoh menunggu lebih kurang 12 tahun. Isu yang perlu kita ambil kira ialah kesesuaian kaedah sekarang dari segi pelaksanaan Skim Perumahan Negara ini. Sama ada kita akan terus-menerus dengan cara kita sekarang ini dan menghadapi isu *sustainability* ataupun kita fikirkan semula cara yang lebih *sustainable*, umpamanya mengukuhkan syarat-syarat untuk penerima rumah-rumah ini terutama sekali dengan menekankan kepada mereka yang benar-benar berkeperluan.

Kalau kita melaksanakan sedemikian, kaola rasa ini akan tertakluk kepada apa yang didapatkan melalui *Housing Focus Group* itu nanti juga. Kaola rasa

mungkin dapat kita mengawal pengurusan pemberian tanah ini dengan lebih cepat lagi; dan

4. Dalam Perancangan Perumahan Negara dan estet-estet yang ada dan dalam rancangan, adakah diambil kira untuk mencapai hasrat kerajaan, bukan saja untuk membangun rumah bahkan juga untuk membangun komuniti serta untuk memperbaiki sosial dan *environmental outcomes* dan sebagainya?

Terima kasih atas soalan ini. Abis kaola di pihak Kementerian Pembangunan sewaktu berbincang-bincang mengenai perumahan ini ada juga memikirkan mengenai negara-negara lain, terutama sebuah negara jiran yang selalu kita rujuk (mengenai dengan hal ini) dan menjadi *benchmark* kita mengenai dengan keberkesanan pelaksanaan skim perumahan mereka. Kita juga pernah menimbulkan perkara *social engineering* (dari segi apa yang dimaksudkan tadi) bagi tujuan keharmonian masyarakat dan bagi tujuan pengukuhan institusi keluarga dan sebagainya.

Ini kaola rasa telah pun diambil kira juga sebelum ini dan mungkin sesuai lebih diperkemas lagi pada masa-masa akan datang. Sudah kita lihat berbagai-bagai cabaran, umpamanya dalam kita cuba memastikan keharmonian kejiranan dalam Skim Perumahan, kita melarang daripada pagar-pagar untuk dibina di sekeliling rumah. Apa yang kita lihat ialah

ada masalah-masalah lain yang timbul akibat kita tidak membenarkan ini.

Umpamanya ada pemilik-pemilik rumah mengatakan isu keselamatan tidak ditangani dan kadang-kadang pencemaran dari segi binatang-binatang yang memasuki kawasan-kawasan rumah. Kalau kita lihat di tempat-tempat lain yang bukannya Skim Perumahan Kerajaan, kebanyakan rumah telah memasang pagar-pagar. Itulah barang kali antara perkara-perkara yang perlu juga diambil kira dalam *social engineering* ini.

Itulah saja Yang Berhormat Pengerusi berhubung dengan jawapan kaola bagi soalan-soalan Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abd. Hamid.

Soalan seterusnya daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai *KPI* dan *TPOR* yang tidak dicapai.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, saya kira ada baiknya kita tangguhkan dulu Mesyuarat Jawatankuasa ini dan bagi membolehkan kita balik kepada Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Kita bersidang semula dalam Majlis

Mesyuarat Negara. Saya tangguhkan Mesyuarat ini selamat 20 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bersidang semula dan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016/2017. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini kita teliti satu persatu saya tangguhkan dahulu persidangan Majlis Mesyuarata ini dan kita akan bersidang semula diperingkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbang, meneliti belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sebelum mesyuarat ini ditangguhkan untuk berehat sebentar tadi seramai 4 orang Ahli Berhormat Yang Dilantik telah menimbulkan beberapa pertanyaan.

Walau bagaimanapun bersama saya di sini masih terdapat seramai 11 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang lain yang suka turut serta dalam membahaskan Tajuk Kementerian Pembangunan ini.

Saya mempersilakan semula Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk meneruskan jawapan-jawapannya.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Yang Berhormat Pengerusi bisai juga kaola habiskan soalan-soalan yang sudah dikemukakan tadi jawapan-jawapannya. Terima kasih. Soalan seterusnya tadi ialah soalan dari Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman berhubung dengan *KPI* atau *TPOR* yang tidak pernah tercapai selama ini dan apa sebab-sebabnya sedangkan budaya *TPOR* ini sudah lama kitani amalkan tetapi nampaknya bermasalah.

Kaola tidak pula tahu *the reason* Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang kaola kongsikan tadi pada masa ini Kementerian Pembangunan telah memperkenalkan kaedah pendekatan *90 days plan*. Isu-isu yang akan diperbaiki dikenal pasti dan dipantau proses pembaikannya sehingga selesai dan dengan itu insya-Allah dan dengan *partnership* daripada ketua jabatan dan ketua bahagian insya-Allah isu memenuhi *TPOR* ini mungkin ditangani dengan lebih baik lagi pada masa akan datang.

Mengenai kualiti jalan raya di Brunei. Ini yang *shocking International roughness index* nampaknya salah baca barangkali Yang Berhormat mengenai dengan data-data itu. Sebenarnya apa yang dilihat dalam data itu lebih 50 peratus jalan raya di Brunei ini adalah diakui sebagai *above average*. Kurang daripada 50 peratus adalah *poor* dan memerlukan pembaikan itulah

dihasarkan akan dapat diperbaiki keadaan-keadaan jalan raya yang dikategorikan sebagai *poor* itu.

Bukanlah jalan raya kita ini antaranya keadaannya tidak dapat diterima di jalan raya berbanding di tempat lain. Kita pun dapat merasai secara praktiknya bahawa jalan raya kita ini memang bagus tapi ada antaranya yang kurang memuaskan.

Mengenai Jambatan Temburong dan *spin off*. Ada beberapa *spin off* daripada projek Jambatan Temburong ini terutama sekali dari segi bekalan bahan binaan yang terdapat di negara ini. Simen umpamanya kita menggunakan bekalan dari sini malahan tidak mencukupi dan *spin off* yang lain daripada *sub-contract* yang turut serta dalam projek ini banyak *sub-contract* tempatan. 7 *sub-contractors* tempatan dan *material suppliers* yang terbabit 20 *locals works and consultancy and services contractors* semuanya.

Kalau tidak silap saya 25 orang *local engineer* kitani yang bekerja bersama dengan *joint venture* ini dan sudah setentunya sudah siap nanti *economics spin off* akan lebih ketara lagi.

Seterusnya kaola cuba menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Terima kasih atas soalan-soalan yang diajukan tadi. Menaik taraf Jalan Buau Melilas. Alhamdulillah telah diluluskan diperingkat *LTV* dan akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi seperti yang dimaklumkan. Dan insya-Allah akan mengambil masa kira-kira 2 tahun untuk disiapkan. Perkara-perkara di bawah

jagaan (JASTRE) taman-taman rekreasi, terus terang pada ketika ini belum ada taman-taman rekreasi ini yang sudah di *DPP*. Walaupun sudah dihasratkan akan di *DPP* dan usaha sedang giat dijalankan. Mudah-mudahan kita akan menampakkan pencapaiannya.

Mengenai penyediaan *skip* sebagai cara untuk menyediakan tempat-tempat pembuangan sampah ini memang disediakan oleh (JASTRE). Bagi Kementerian Pembangunan secara keseluruhannya ialah kaedah *skip* ini bukanlah merupakan kaedah yang terbaik dalam isu pembuangan sampah kerana masalah alam sekitar yang disebabkan olehnya. Apa yang sedang disediakan sekarang ini dari segi *skip* ialah sebagai penyelesaian secara sementara sahaja sementara kita menanti penyelesaian dalam jangka waktu yang panjang. Terutama sekali dalam bentuk pembuangan sampah secara berlanggan dengan syarikat-syarikat komersial. Itulah yang dihasratkan dan *skip* ini secara terpaksa sahaja disediakan pada masa ini.

Ada soalan lagi berhubung dengan proses penukaran milik tanah yang agak lama. Ada beberapa Ahli Yang **Berhormat yang** membangkitkan isu ini, seperti yang saya terangkan tadi dalam mukadimah saya sudah nampak pembaikan yang ketara dari segi tempoh kebenaran yang diperolehi berhubung dengan kebenaran pemilik tanah ini dan insya-Allah akan lebih diperbaiki lagi pada masa akan datang.

Soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar berhubung dengan masalah banjir. Masalah ini satu masalah yang dikira agak serius. Oleh itu dalam keadaan kewangan kitani dengan \$4 juta telah disediakan sebagai peruntukan bagi untuk penanganan atau mitigasi banjir.

Berhubung dengan banjir di kawasan Tanjong, ada ura-ura sebelum ini untuk memindah penduduk-penduduk yang terbabit ke Perumahan Bukit Beruang. Seperti yang saya telah dimaklumkan telah dibuat *survey* dalam kalangan penduduk yang terlibat ini sama ada mereka mahu untuk berpindah. Usul-usulnya lebih 90 peratus daripada mereka ini tidak berhajat untuk berpindah atas sebab tersendiri. Mungkin *the legends* itu tempat lahir mereka atau tanah mereka itu jauh lebih besar daripada tanah atau rumah tempat mereka akan dipindahkan. Masing-masing dengan alasan tertentu. Oleh itu rancangan itu tidak diteruskan.

Projek-projek mega Jambatan Temburong, Jambatan Sungai Kebun dan Pulau Muara Besar bagi mereka yang terbabit dalam projek Jambatan Temburong telah diberi taklimat kepada mereka yang kawasan tanah dan rumah mereka terlibat dalam projek itu. Manakala mereka yang terlibat melalui jambatan menyeberangi Sungai Kebun tidak dilibatkan. Mungkin juga *oversite* di pihak kita oleh sebab tidak ramai yang terbabit di sana.

Cadangan daripada Yang Berhormat mengenai dengan Pelan Induk ataupun perancangan yang terancang bagi projek-projek sedemikian harus disediakan pada masa-masa hadapan, saya menyambut baik saranan tersebut.

Yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat mengenai proses permohonan tanah, sudah saya jawab tadi. Mengenai tanah-tanah yang syaratnya getah atau padi dan tidak lagi sesuai untuk syarat-syarat tersebut dikekalkan, saya dimaklumkan oleh pihak Jabatan Perancang Bandar dan Desa bahawa perkara ini sedang diteliti dan selalunya akan tertakluk kepada dasar yang sedia ada. Terutama sekali *zoning* di kawasan-kawasan tersebut. Kalau sekiranya kawasan tersebut memang dibuat sebagai *zoning* untuk tujuan *agriculture* tidaklah dapat dipertimbangkan syarat-syarat ini ditukar kepada syarat perumahan umpamanya.

Sekiranya kawasan tanah itu sudah dikelilingi oleh *residential* memang perkara ini sesuai untuk dipertimbangkan tertakluk kepada *case by case basis*. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah yang telah disampaikan tadi.

1. Kaola menyentuh Tajuk SK03A-Jabatan Kerja Raya. Kaola menyokong sepenuhnya peruntukan Jabatan Kerja Raya sejumlah \$160 lebih juta sementara Perbelanjaan Khas sebanyak \$11.6 juta:-

i. Dalam hubungan ini, kaola ingin mengajukan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Perpindahan Meragang yang seringkali menghadapi masalah tekanan air ataupun tidak dapat menerima air dengan baik. Apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Jabatan Air, Jabatan Kerja Raya bagi mengatasi masalah ini?; dan

ii. Masalah kesesakan jalan keluar Perpindahan Meragang iaitu daripada Bukit Kabun adalah dicadangkan supaya akan dipasang lampu isyarat bagi keselamatan pengguna jalan raya sebab kawasan tersebut sering terjadi kemalangan; dan

2. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah peruntukkan kewangan sejumlah \$11.2 juta. Kaola ingin mengetahui

kenapa cukai tahunan tanah kawasan lingkungan bandaran berbeza dengan kawasan luar bandar? Contohnya bayaran cukai tahunan \$20.00 setahun sekarang menjadi \$100.00 setahun. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:

Terima kasih. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi, setelah mendengar mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan, kaola menyambut baik apa jua sasaran atau yang difokuskan demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ikut serta pada membincangkan Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya yang perkara ini telah pun kaola bangkitkan pada masa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Kesepuluh Tahun 2014.

Apa yang kaola suarakan dalam Dewan yang mulia ini ialah jalan utama Jalan raya Tutong supaya dinaik taraf seperti mana jua Jalan Tutong dari Bandar Seri Begawan ke Sengkurong. Sepanjang apa yang kaola lihat bahawa pada masa ini sebahagian jalan Kampung Luagan

Duduk dan begitu juga di Kampung Kupang telah diaspal sedangkan kerosakan-kerosakan yang lain hanya ditampal sahaja.

Walau bagaimanapun, kaola mengucapkan terima kasih atas tindakan Kementerian Pembangunan melaksanakan perkara ini. Mengikut sejarah, sepanjang yang kaola ketahui bahawa Jalan Raya Utama Tutong adalah jalan yang tertua untuk menghubungkan antara Pekan Tutong dan Pekan Brunei. Diharapkan bahawa dalam Bajet 2016/2017 akan dapat diusahakan demi kebaikan serta keselamatan pengguna-pengguna jalan yang tersebut. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi serta Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kaola ingin menggabung diri dalam Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana dalam mukadimah Yang Berhormat ada menyentuh mengenai pemprosesan segala penggunaan mengenai tanah. Oleh kerana ramai rakyat yang **terlibat** dalam pembangunan tanah menghadapi masalah terlalu lama, ada

antaranya 3 hingga 11 tahun. Itu pun belum selesai seperti mana yang dikemukakan oleh rakan sejawatan tadi.

Oleh itu dipohonkan supaya orang ramai tidak terlalu lama menunggu kelulusan pembangunan mereka. Pihak berkenaan hendaklah berpegang teguh pada slogan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dalam menyelesaikan masalah mereka. Yang Berhormat Pengerusi, kaola hanya menyampaikan salam dari orang ramai.

Tajuk SK02 - Jabatan Kemajuan Perumahan. Kajian semula ke atas dasar Perumahan Negara. Yang Berhormat Pengerusi saya ingin menyarankan supaya Dasar Perumahan Negara pada masa ini, dikaji semula melibatkan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Skim Perumahan Negara dan Skim Perumahan Rakyat Jati).

Dasar yang ada pada masa ini, terhad dan tidak ada ruang bagi rakyat yang telah memiliki tanah termasuk suami dan isteri dalam keluarga berkenaan. Sama ada tanah tersebut dimiliki secara waris atau diwarisi, terpaksa diterima oleh anak-anak atau si penerima waris atau dibeli atas daya usaha mereka sendiri. Untuk pengetahuan, ada sebahagian tanah waris ini berkedudukan di kampung-kampung pedalaman dan di hulu sungai dan jauh dari jalan raya. Untuk memajukan tanah tersebut dan membina rumah

persendirian kebanyakannya mereka tidak mampu untuk membuat jalan masuk yang memerlukan kewangan berpuluh-puluh ribu ringgit. Mereka ini kebanyakannya terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan yang berjawatan kecil.

Dengan gaji yang kecil sebulan sukar untuk menabung bagi sebuah keluarga yang mempunyai ramai anak kerana keperluan lain seperti membayar kenderaan, api elektrik, air, wang belanja anak-anak sekolah, minyak kereta, buku teks, pakaian dan potongan TAP dan SCP. Oleh itu ada sebilangan pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menghadapi masalah untuk menyertai Skim Perumahan Negara dan Rakyat Jati kerana telah memiliki tanah waris tetapi, kurang upaya untuk memajukan lantaran kekurangan wang.

Makanya melalui Majlis ini, disarankan supaya mereka yang berkenaan yang memiliki tanah waris, suami isteri untuk menyertai Skim Perumahan dan Skim Rakyat Jati. Ini selaras dengan titah dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengingatkan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada suatu ketika dahulu dalam Majlis ini bertitah "Jangan ada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat terlepas pandang akan keadaan rakyat baginda termasuk mereka yang

berada di kampung-kampung dan di pedalaman”.

Yang Berhormat Pengerusi. Dengan adanya kelonggaran ini nanti diharapkan mereka, kakitangan yang belum memiliki rumah akan dapat rumah sendiri lebih awal sebelum menjelang persaraan seperti mana antaranya pada masa ini sebahagian daripada mereka terpaksa menghadapi tunggakan perumahan kerana tiba hari persaraan dan tidak lagi berkhidmat atau bekerja dengan mana-mana pihak. Dalam hubungan ini, saya telah mendapat maklum bagi kakitangan atau pesara kerajaan yang beragama Islam tunggakan mereka telah dibantu oleh pihak Baitulmal untuk menyelesaikannya. Bagaimana bagi mereka yang tidak termasuk dalam Asnaf tersebut?

Seterusnya Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Penggunaan plastik atau kantung. Kempen penggunaan plastik pada masa ini hanya terhad dibuat di kedai-kedai tertentu sahaja (di kedai-kedai besar di kawasan bandar) pada setiap hujung minggu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Sedangkan kedai-kedai di kampung-kampung luar bandar belum melaksanakannya seperti mana yang dilakukan di kedai-kedai besar (*Mall*) di kawasan bandar.

Oleh sebab kebersihan alam sekitar itu amat penting kepada penduduk dan masyarakat seluruhnya, langkah-langkah drastik hendaklah dilakukan oleh semua pihak sebelum keadaan

lebih berleluasa dan tidak dapat dikawal. Langkah-langkah yang hendak diambil ialah penguatkuasaan undang-undang di seluruh negara, khasnya kepada pekedai-pekedai dan premis-premis perniagaan. Sampah yang tidak mudah buruk (hancur) dalam masa singkat seperti plastik hendaklah dikurangkan penggunaannya di seluruh negara termasuklah kedai-kedai di kampung-kampung dan di pasar tamu dan juga gerai tamu. Digalakkan pengguna-pengguna menggunakan bakul masing-masing apabila hendak membeli barang-barang keperluan. Soalan saya, apakah tindakan yang telah dan akan diambil dalam masalah ini oleh pihak-pihak yang berkenaan? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya harap Yang Berhormat Menteri Pembangunan menerima salam daripada orang yang berkenaan melalui Ahli Yang Berhormat tadi. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan iaitu Perbelanjaan Khas yang disediakan Anggaran 2016/2017, \$200 ribu sahaja yang mana peruntukan asal 2013/2014 dengan harga rancangan

\$2,800,000.00 untuk kajian *geological* dan penilaian bagi sumber pasir di kawasan Lombongan pasir, Sungai Paku, Mukim Telisai.

Keadaan fizikal bumi kawasan ini sudah lapang, gersang, berbukit-bukit dan berlubang-lubang. Soalan kaola:-

- i. Apakah dapatan atau hasil kajian berkenaan?;
 - ii. Apakah perancangan pembangunan di kawasan ini?; dan
 - iii. Jika perlombongan diberhentikan dan tidak ada pembangunan. Dicadangkan supaya projek membaik pulih dan tanaman pokok dilaksanakan.
2. Tajuk SK02A - Dalam Jabatan Kemajuan Perumahan ada diperuntukkan Perbelanjaan Khas berjumlah \$1 juta dalam program dan aktiviti kerja-kerja pembaikan dan penaiktarafan rumah-rumah dan kawasan Perancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Soalan kaola:-

- i. Adakah cadangan untuk membaik pulih rumah-rumah berkenaan yang terbiar (*abandon house*) yang rosak akibat kebakaran atau lain-lain yang mengaibkan pandangan. Misalannya terdapat rumah

berkenaan di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Telisai; dan

- ii. Dicadangkan jua pemotongan rumput di tepi-tepi jalan dan pembaikpulihan jalan-jalan rosak di kawasan perumahan.

3. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya telah diperuntukkan Perbelanjaan Khas dalam Tahun 2016/2017 berjumlah \$4 juta melalui Bahagian Saliran dan Pembetulan untuk pencegahan banjir, pembaikan dan menaik taraf.

Lebih dahulu kaola menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Kerja Raya, Bahagian Saliran dan Pembetulan kerana telah membina sebahagian penghadang ombak di Kampung Danau Pantai Telisai untuk mengelakkan hakisan pantai. Oleh sebab sebahagian sahaja yang dibina, maka akibatnya bahagian yang tidak berpenghadang terhakis teruk membuatkan bentuk 'u' yang menyebabkan:-

- i. Pokok Aru dan kelapa tumbang;
- ii. Stor, bengkel, reban dan tempat tinggal pekerja lesap; dan
- iii. Tanah individu yang **susur** separuh dan lesap batu sempadan. Kemungkinan akan

datang terjejas jika penghadang tidak dibina ialah beberapa buah rumah di tepi pantai terutama sebuah rumah besar yang penghuninya seramai 26 orang. Hanya 4 meter sahaja lagi yang tinggal dari tebing dan sebuah bangunan pam pembekal air laut ke kolam-kolam udang Kampung Keramat, Mukim Telisai.

Kaola mempunyai harapan yang tinggi agar pembinaan penghadang ombak tebing Pantai Danau, Telisai ini sebagai suatu keutamaan agar dibina dari Pantai Danau hingga ke Taman Rekreasi Pantai Telisai yang sudah ada penghadang kerana sepanjang pantai ini terdapat banyak rumah berhampiran pantai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Berhubung dengan kolam tadahan pencegahan banjir. Soalan saya:-

1. Apakah perkembangan pembinaan sekarang ini khususnya bagi Daerah Tutong?;
2. Pada penghujung tahun 2015 dan awal tahun 2016, tidak ada berlaku kejadian banjir yang serius seperti mana tahun-tahun sebelumnya di Daerah Tutong. Adakah pengisian air ke dalam Empangan Nyamuknin di Daerah Tutong ini membantu mengurangkan berlakunya banjir?; dan
3. Jika pengisiannya berlaku beberapa bulan iaitu hampir setahun, adakah tidak menjejaskan kekeringan

kawasan-kawasan pertanian dan menjejaskan pencarian rezeki penduduk di sungai-sungai berkenaan?

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas pembentangan Kertas Kerja yang diharap akan menjadi satu realiti.

Yang Berhormat Pengerusi, ada 4 soalan. Isu alam sekitar merupakan isu nasional yang perlu diberikan keutamaan dan perhatian. Sejak kebelakangan ini kita sering terbaca dalam media baik surat khabar ataupun media elektronik, isu sampah dipaparkan sama ada tempat-tempat awam dan tempat-tempat pembuangan sampah.

Perkara ini selalu dikeluarkan dalam media cetak dan elektronik seperti *Whatsapp* dan sebagainya. Longgokan sampah di tempat-tempat premis perniagaan, tempat pembuangan sampah dan seumpamanya kerana lambat dikutip. Lalu timbul persoalan, siapa yang bertanggungjawab bagi

mengendalikan sampah berkenaan? Maka berkatalah si polan, ini adalah tanggungjawab pihak yang berwajib.

Yang Berhormat Pengerusi. Pendekatan yang terbaik ialah menerusi pendidikan kepada masyarakat terutama sekali anak-anak supaya akan dapat menanamkan sikap bertanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar melalui rumah tangga dan insititusi pendidikan sama di peringkat rendah ataupun menengah.

Oleh yang demikian, dicadangkan agar tempat-tempat pembuangan sampah disediakan di tempat-tempat awam, sekolah-sekolah dan kampung-kampung. Sesetengah masyarakat suka mengambil jalan pintas dengan alasan tempat membuang sampah tidak disediakan.

Kaola mencadangkan supaya pihak JASTRE khususnya, akan membina beberapa tempat pembuangan sampah di kawasan-kawasan yang memerlukannya. Memang diakui pihak JASTRE ingin supaya masyarakat di negara ini khususnya rumah-rumah persendirian menggunakan kaedah langganan secara bayaran melalui beberapa ejen pengutipan sampah yang diberikan lesen.

Namun bagi menimbangkan sebahagian daripada mereka yang tinggal di kampung-kampung mungkin tidak mampu membayar secara langganan. Maka langkah yang baik bagi mengatasi isu sampah ini, dicadangkan pembinaan tempat membuang sampah di kawasan

tersebut khususnya bagi Zon 4. Dipohonkan supaya dibina di Kampung Sengkurong, Kampung Jerudong, Mukim Pangkalan Batu, Mukim Kilanas dan beberapa kampung yang tidak mempunyai tempat pembuangan sampah.

Tadi rakan saya, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking menimbulkan isu mengenai penggunaan beg plastik. Beberapa tahun yang lepas, kempen tidak menggunakan beg plastik di premis-premis perniagaan telah rancak dilaksanakan dan kempen ini telah mendapat sambutan dari gedung-gedung perniagaan, *supermarket* dan beberapa kedai runcit. Usaha ini sangat baik dan perlu disokong oleh semua pihak.

Kita ingin mengetahui, adakah perkara ini diteruskan oleh pihak peniaga terutamanya *supermarket- supermarket* di negara ini?

Mengikut penilaian pihak yang berwajib, adakah pengurangan ataupun penurunan kadar sampah di negara ini setelah kempen ini dijalankan?

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, kualiti perkhidmatan kontraktor. Kualiti atau mutu kerja biasanya dikaitkan dengan *International Standard Organisation (ISO)*. Perkara demikian biasa digunakan oleh negara-negara yang maju dan sedang membangun. Kita di Negara Brunei Darussalam juga mempunyai piawaian yang sering disebut *ISO*. Perkara ini selalunya

dikaitkan dengan beberapa projek mega dan separuh mega. Kita mengharapkan apa jua projek sama ada besar ataupun kecil, hendaklah dinilai pada kualiti dan keberkesannya.

Kita amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berterima kasih terlaksananya beberapa projek mega yang menjadi kemegahan negara seperti pembinaan 2 buah jambatan iaitu Jambatan Penghubung dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong dan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency serta Lebuh Raya Telisai, Tutong ke Daerah Belait hampir siap pembinaannya. Tahniah diucapkan kepada Kementerian Pembangunan.

Tetapi apa yang sering menjadi perhatian masyarakat ialah kerja-kerja rutin yang dibuat oleh kontraktor seperti pembinaan jalan, pembaikan jalan, pemotongan rumput, pembersihan longkang-longkang dan seumpamanya, masih di tahap yang kurang memuaskan dan memerlukan perhatian.

Perkara ini perlu diambil perhatian kerana pihak kerajaan telah membayar kerja-kerja tersebut mengikut apa yang telah dipersetujui tanpa mengurangkan nilai sesen pun. Tetapi kualiti kerja tidak berbaloi dengan apa yang kerajaan bayar.

Yang Berhormat Pengerusi, apa yang berlaku kebanyakan kontraktor diberikan tanggungjawab berkenaan tidak melaksanakan pekerjaan seperti

mana yang telah dikehendaki. Adakah kerja-kerja tersebut dipantau dari semasa ke semasa dan berterusan?

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mencadangkan kiranya kerja-kerja seperti pemotongan rumput dan pembersihan longkang-longkang akan dapat diberikan kepada orang-orang kampung ataupun Majlis Perundingan Kampung yang tinggal di kawasan berkenaan. Ini bertujuan memberikan pekerjaan kepada masyarakat dengan memberikan penekanan agar kerja yang boleh dibuat perlu diberikan kepada mereka yang benar-benar boleh melakukannya.

Di sini kita akan dapat menilai sejauh mana masyarakat dapat melaksanakan kerja-kerja yang hanya memerlukan tenaga dan kesungguhan boleh dibuat oleh orang-orang kitani Brunei.

Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi. Pembaikan dan menaik taraf jalan-jalan raya di kawasan Zon 4. Mutu jalan raya di beberapa kawasan Zon 4 yang sudah berusia lebih 30 tahun, jika dapat dinaikkan tarafnya bagi memberikan keselesaan kepada semua pengguna khususnya di kawasan yang berkenaan. Antara jalan yang perlu diberikan perhatian ialah Jalan Bebuluh ke Kampung Wasan, Jalan Kampung Bebuluh; Jalan Kecil Emang dan Batong.

Kemudahan infrastruktur yang selesa dan baik akan dapat meningkatkan produktiviti dan memudahkan sistem-sistem perhubungan. Maka kerana itu supaya pihak yang berwajib akan dapat

membuat penilaian dan sokongan agar jalan-jalan yang disebutkan di atas itu akan diberikan peruntukan.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih. Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Walaikumsalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Menteri Pembangunan suka untuk menjawab sekarang ataupun kita teruskan dengan soalan-soalannya lagi?

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab mula-mula soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim berhubung dengan tekanan air yang rendah di kawasan Perumahan Meragang.

Kawasan Perumahan Meragang merupakan terminal bagi *pipeline* negara ini dan sebarang masalah gangguan air yang dihadapi, inilah kawasan yang paling teruk terjejas oleh sebab ia kawasan yang hujung sekali.

Baru-baru ini pun kita telah melihat mungkin lebih kurang dari satu minggu kawasan ini tidak mendapat bekalan air. Oleh itu Jabatan Perkhidmatan Air telah bekerja keras menyediakan tangki-tangki dan servis penghantaran air dan termasuk plastik bag disebabkan oleh keadaan yang begitu mendesak sekali. Itu cuma merupakan penanganan jangka pendek yang memang kurang

berkesan dan kurang memuaskan tetapi sekadar itulah yang dapat dibuat dalam jangka masa yang pendek.

Penyelesaian jangka panjang, insya-Allah sekiranya paip besar yang sedang dilaksanakan sekarang ini melalui jalan pantai yang dijangka akan siap pada akhir tahun ini. Jika projek ini terlaksana, insya-Allah masalah tidak mendapat air ini akan berkurangan.

Mengenai Jalan Raya Meragang ke Bukit Kabun, lampu-lampu perlu dipasang. Nampaknya perkara ini sudah dalam perancangan mengikut maklumat-maklumat yang sudah ada dikongsikan dengan saya Yang Berhormat Pengerusi. Termasuk juga dengan pembesaran persimpangan di kawasan tersebut. Alhamdulillah, ini akan terlaksana sedikit masa lagi.

Mengenai Cukai Tanah. Kaola memohon untuk menjawab kemudian sahaja. Perbezaan antara cukai tanah dengan di luar bandar.

Soalan berikutnya ialah soalan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai Jalan Utama Jalan Tutong iaitu sebagai jalan raya yang *quite nostalgic* antara jalan raya yang tertua di negara ini, bagi jalan raya ini untuk dinaik taraf.

Sebarang jalan raya untuk dinaik taraf seperti ini perlu untuk dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN11). Ia akan dipertimbangkan berbanding keutamaan-keutamaan yang

lain. Setakat itu kaola kongsi mengenai menaik taraf Jalan Raya Tutong.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. Kaola menjawab. Berhubung dengan isu tanah yang tidak selesai-selesaiannya sejak sekian lama seperti pada mukadimah kaola tadi.

Kaola melihat ada penambahbaikan. Sekiranya isu ini secara khusus boleh dibawa kepada perhatian kementerian kaola atau Jabatan Tanah secara terus menerus, insya-Allah akan dapat diselesaikan. Itu saja yang kaola dapat janjikan pada masa ini Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai Dasar Perumahan Negara dikaji semula seperti yang kaola terangkan tadi. *Housing Focus Group* telah pun ditubuhkan dan banyak perkara yang akan dilihat dan diambil kira dalam *Housing Focus Group* ini.

Salah satu daripadanya ialah isu kesamaan atau ketidaksamaan antara penduduk yang tidak mempunyai tanah dan tidak mempunyai kemampuan untuk membangun rumah. Ada tanah tetapi tidak mampu mendirikan rumah. Dengan sendirinya mereka tidak akan termasuk dalam sebagai pemohon-pemohon yang layak dipertimbangkan bagi RPN.

Inilah antara sebab-sebab utama mengapa *Housing Focus Group* ini telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu seperti

ini dan insya-Allah perkara-perkara ini setelah diteliti dan diambil kira bersama dengan isu-isu yang lain yang dapat diutarakan satu penyelesaian yang lebih memuaskan berhubung dengan penyediaan perumahan negara ini.

Isu tunggakan ini bukan kaola barangkali yang menjawab. Ini mengenai tunggakan macam mana boleh diselesaikan terutama sekali mereka yang tidak berkemampuan. Kalau Al-Gharimin mungkin barangkali dijadikan sebagai sandaran untuk mereka yang tidak mampu membayar tunggakan. Kaola rasa kaola tidaklah arif dalam bidang ini.

Mengenai sampah. Kempen untuk meningkatkan kesedaran cara penanganan sampah ini memanglah satu perkara yang sangat dialu-alukan pada masa ini dan juga sesuai dilartakan dalam peringkat yang lebih tinggi dan pada peringkat nasional. Hal ini masih pada peringkat dalam pemikiran Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai penanganan sampah-sampah yang *non biodegradable*. Kita masih lagi di peringkat awal kajian mengenai cara menangani plastik atau sampah daripada besi-besi, alat-alat elektronik dan sebagainya. Setakat ini, dikumpul sahaja dan lepas itu dijual kepada pembeli yang selalunya dieksport ke luar negara sebagai sampah yang mempunyai *value*, ada nilai untuk di *recycle* tetapi *recycling*nya tidak dibuat di negara kita sendiri.

Seterusnya, kaola cuba menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Lombong Sungai Paku. Kaola perlu memohon limut dulu dan nanti menjawab apa keputusan kajiannya. Kaola tidak pasti kajian itu sama ada selesai atau pun tidak mengikut daripada ini ada 200,000 disediakan untuk tujuan itu. Sudah setentunya berdasarkan hasil kajian itu nanti akan ditangani secara tepat apa kegunaannya lombong tersebut.

Mengenai peruntukan sebanyak \$1 juta untuk pembaikan rumah yang disediakan disentuh mengenai ada rumah yang hangus dan yang tidak indah dilihat sama ada dapat diperbaiki. Ini mungkin dilihat secara. Isu yang hangat baru-baru ini juga yang telah keluar di media masa ialah mengenai ada beberapa buah rumah di kawasan Kampung Danau yang telah menerima kesan hakisan pantai yang *tributenya* ialah Projek Pengawalan Pesisiran Pantai yang belum selesai jadi hakisan telah berlaku begitu teruk sekali mengganggu kawasan-kawasan perumahan ini. Ini sebenarnya projek jangka panjang dan setakat ini belum lagi sampai ke kawasan yang telah terjejas ini. Memang dilihat perlu juga dibandingkan dengan keutamaan-keutamaan yang lain, ini satu perkara yang serius yang sedang dihadapi di sana.

Mengenai penahanan banjir (*retention pond*) mungkin yang dimaksudkan kaedah *retention pond* ini telah banyak membantu dalam mitigasi banjir di banyak kawasan termasuk di kawasan-

kawasan Daerah Tutong, tetapi kaola perlu memohon untuk menangguhkan menjawab seterusnya sama ada kawasan-kawasan ladang terjejas oleh kaedah *retention pond* yang dikendalikan di sana.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim berhubung dengan sampah terlampau banyak, sama sahaja jua isunya tidak dapat ditangani dengan sempurna tetapi kalau disoal siapa yang salah sebenarnya adakah autoriti yang patutnya menangani masalah ini ataupun pembuang-pembuang sampah, kedua-duanya mempunyai peranan penting iaitu saling mengukuhkan. Kalau satu pihak saja menanganinya masalah ini akan berlarutan. Dimasukkan juga dalam rancangan kita untuk mengadakan kempen kesedaran mengenai dengan pembuangan sampah secara teratur ini.

Mengenai penyediaan banyak lagi tempat-tempat pembuangan sampah, perkara ini perlu tertakluk kepada nasihat daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan mengikut kesesuaiannya, kerana sampah ini bukanlah satu perkara yang mudah untuk ditangani. *Skip* umpamanya yang disediakan mudah kita untuk membuangnya di sana, tetapi daripada skip ia tidak bertahan terpaksa ditangani lagi untuk dibawa mungkin ke *land field*. Penggunaan *skip* tidak digemari kerana:-

1. Harganya mahal;
2. Tidak menyelesaikan sepenuhnya masalah sampah kita.

Seterusnya mengenai bag plastik. Adakah diteruskan *daning of bag plastic* sewaktu hujung minggu, masih diteruskan *in fact* dilaratkan ditambah satu hari lagi. Alhamdulillah usulnya penerimaan adalah baik dan tidak tahu satu hari nanti kita akan *banned* bag plastik ini secara lebih menyeluruh, tetapi peringkat ini, alhamdulillah penerimaan agak baik.

Mengenai kualiti perkhidmatan kontraktor yang memerlukan standard-standard tertentu termasuk *ISO*, kualiti kerja yang tidak berbaloi, perkara-perkara ini diambil perhatian dan terima kasih juga atas teguran-teguran ini. Mudah-mudahan ditangani dengan lebih sempurna lagi di masa akan datang.

Mengenai pemotongan rumput agar diberikan kepada penduduk-penduduk kampung ataupun kepada Majlis Perundingan Kampung, selalu sudah perkara ini disuarakan cuma masalahnya belum ada penyelesaian Insya-Allah kita cari cara jalan yang sebenarnya untuk memastikan barang ini berjalan, *so far* banyak sudah ditimbulkan tetapi tidak juga jadi-jadinya.

Mengenai jalan raya yang ada banyak disyorkan untuk dinaikan taraf, ini tertakluk kepada keutamaannya dan dalam pertimbangan Program RKN Ke-11.

Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Kita teruskan, saya menjemput sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kaola ada 3 soalan:-

1. Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi. Pantai Tungku perlu pembaikan dan pembisaian seperti tempat letak kereta, pondok, tempat orang berjual-jualan, pondok untuk orang berehat, tempat berbeku hujung minggu serta tandas dan tempat permainan seperti *ATB*, tempat pembuangan sampah, dikhaskan supaya nampak teratur;
2. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Tahun lepas ada kejadian banjir di beberapa kawasan Daerah Brunei Muara. Banyak kerugian telah dialami orang ramai. Kaola rasa tindakan awal patut dibuat sebelum musim banjir seperti pembersihan sungai-sungai dan longkang-longkang. Pembedungan air menghalang daripada banjir nampaknya berkesan. Soalnya adakah jabatan berkenaan merancang untuk membuat

pembetulan tersebut dan kalau ada di mana rancangannya?; dan

3. Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Mengapa proses gantian tanah bagi tanah-tanah *Plot* dan tanah-tanah terkena jalan daerah terlalu lama. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, kaola juga sukacita merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas mukadimah Peruntukan Belanjawan di bawah Kementerian Pembangunan Yang Berhormat sampaikan sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Melalui Peruntukan Belanjawan 2016/2017 Kementerian Pembangunan, kaola akan menimbulkan 5 perkara di Dewan yang mulia ini:-

1. Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan. Perkara yang pernah kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini dan dalam mempertimbangkan masalah yang dihadapi oleh orang ramai berhubung peraturan yang

dikenakan kepada orang ramai. Pada pandangan kaola perkara yang perlu juga dipertimbangkan atau kajian dibuat mengenai proses mendapatkan kelulusan dan kebenaran untuk membangun rumah kediaman secara persendirian melalui pihak kawalan bangunan dan industri iaitu *ABCi*, memakan masa yang lama untuk menyelesaikannya. Ditambah lagi dengan kos yang mahal, terutamanya penduduk luar bandar atau penduduk pedalaman yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan, seperti menimbuk dan meratakan tanah menghendaki pemaju tanah dan rumah untuk membuat pelan yang lengkap melalui arkitek, dan konsultan dan lain-lain.

Dalam hubungan ini, apakah langkah-langkah penyelesaian oleh kementerian melalui jabatan yang berkenaan untuk menangani perkara yang ditimbulkan. Sukacita juga kaola ingin tahu apakah perancangan dan perubahan daripada *ABCi* mengenai perubahan terkini pada masa ini bagi memudahkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini khususnya di Daerah Temburong;

2. Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Kaola akan membawakan 3 perkara:-
 - i. Sebagaimana yang kaola maklum pada masa ini sudah ada rumah teres yang sudah

- siap di Skim Perumahan Negara Kampung Rataie, Temburong. Sukacita kaola ingin tahu status unit-unit rumah yang sudah siap ini, bilakah rumah-rumah ini boleh diserahkan kepada penghuni yang layak?; dan
- ii. Syarat-syarat permohonan Skim Perumahan Negara pada masa ini hanya diperuntukkan atau dibenarkan kepada Warga-negara Brunei Darussalam, bagi Penduduk-Tetap negara ini yang belum dibenarkan untuk memohon Skim Perumahan Negara, kaola ingin bertanya apakah syarat kelonggaran permohonan Skim Perumahan Negara dapat dipertimbangkan untuk Penduduk Tetap di negara ini bagi mengikuti Skim Perumahan Negara memandangkan jumlah penduduk tetap di Daerah Temburong semakin bertambah?;
 - iii. Dalam Pelan Induk atau *Master Plan* Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie Temburong ada perancangan Jabatan Kemajuan Perumahan untuk menyediakan kemudahan yang lengkap kepada penduduk kampung termasuklah bangunan perniagaan seperti bangunan gerai untuk kemudahan penduduk kampung berjaja sayur, ikan, daging, kedai runcit dan kuih-muih. Isu mengenai kemudahan bangunan perniagaan ini pernah juga kaola bawakan pada tahun lepas dan kemudahan ini belum dapat dibangunkan di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie. Kaola bertanya sejauh ini apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pembangunan melalui jabatan berkenaan dalam memberi kemudahan ini bagi memenuhi keperluan memandangkan penambahan penduduk di Perumahan Negara Kampung Rataie pada masa ini?;
3. Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Perkara yang sama kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini, apa yang menjadi rungutan penduduk pengguna jalan raya, rumput yang tumbuh di tepi kiri kanan jalan raya pada masa ini hampir keseluruhan jalan raya di Daerah Temburong sama ada jalan raya utama, jalan kecil, jalan raya ke mukim-mukim dan kampung, rumput-rumputnya didapati panjang. Diharapkan agar pihak jabatan yang berkenaan mengambil perhatian menangani perkara ini. Kerja-kerja yang mustahak untuk diteruskan dan dipelihara sepanjang masa seperti pemotongan rumput dan pembersihan longkang di tepi-tepi jalan, perubahan kontraknya jangan tergantung memakan masa yang lama mestilah serta-merta bagi mengurangkan berlakunya banjir

kilat terutama sekali di kawasan-kawasan yang rendah.

Selain itu, masalah dengan keadaan jalan raya utama dan jalan-jalanraya di mukim-mukim Daerah Temburong terutamanya di Mukim Amo dan Mukim Bukok banyak menghadapi kerosakan seperti jalan berlubang, memakan masa yang lama untuk diperbaiki. Perkara yang memerlukan pembaikan segera dalam mengurangkan rungutan orang ramai dari segi keselamatan penggunaan jalan raya. Dari aspek keselamatan jalan raya, apakah cara yang terbaik pihak jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan untuk menangani masalah ini tidak berulang lagi?; dan

4. Tajuk SK04A - Jabatan Perancang, Bandar dan Desa. Daerah Temburong semakin berkembang setiap tahun. Kenderaan bukan sahaja datangnya dari daerah ini tetapi juga dari luar daerah. Menyediakan kemudahan letak kereta awam di tempat-tempat tertentu di beberapa buah kawasan utama di persekitaran Pekan Bangar adalah masalah yang utama yang dihadapi kerana kekurangan tempat letak kereta. Melalui jabatan berkenaan sukacita kaola bertanya sejauh ini apakah perkembangan perancangan tertentu dalam Pelan Induk Daerah Temburong khususnya Pekan Bangar bagi menangani masalah kekurangan petak letak kereta awam

termasuklah tempat letak kereta bus-bus pelancong?; dan

5. Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi. Dua perkara yang kaola timbulkan di Dewan yang mulia ini:

- i. Mengenai Taman Batang Duri Daerah Temburong. Sudah lebih empat tahun masih belum dibukakan bagi kunjungan orang ramai. Taman Batang Duri juga destinasi tarikan pelancong dalam dan luar negara. Keadaan mini zoo ini haruslah diberi belanjawan secukupnya agar lebih cantik dan menarik. Kaola ingin tahu mengenai status pembaikan Taman Batang Duri Temburong masa kini, kenapa ia belum dapat lagi dibukakan bagi kunjungan orang ramai? Kaola kalau boleh mencadangkan pengurusan Taman Batang Duri ini akan dapat diswastakan untuk memperkembangkan *Program Public Private Partnership (3P)* daerah ini. Kaola juga mencadangkan pada masa jangka panjang supaya Taman Batang Duri ini dapat dinaikkan taraf seperti Taman Agro di Kampung Tungku Rimba Gadong; dan

- ii. Kaola sungguh menghargai dan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi (JASTRE) yang

telah berusaha dalam mengambil perhatian bagi menangani isu pengutipan sampah yang masih dirasakan kurang teratur dan memuaskan di daerah ini.

Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Perhubungan sudah pun jua ada menjelaskan mengenai pembuangan sampah ini, dalam menjawab soalan-soalan dari rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Walau bagaimanapun, izinkanlah kaola dalam memberi beberapa pandangan dalam perkara ini. Bahawa kebersihan tidak dapat dicapai semata-mata oleh penduduk-penduduk mukim dan kampung jika sistem pengutipan pembuangan sampah kurang teratur di daerah ini.

Pihak berkenaan hendaklah mengambil perhatian serius dalam menangani perkara ini, mengkaji semula dalam memperbaiki sistem pengutipan pembuangan sampah yang sedia ada akan lebih terurus ini termasuklah dengan menambah pondok-pondok pembuangan sampah. Kaola mengambil contoh, di Daerah Temburong hanya ada terdapat dua buah pondok tempat pembuangan sampah di kampung-kampung selain dengan tong-tong yang rosak dan tidak mencukupi. Tempat tong sampah harus dipagar agar anjing, monyet dan kucing tidak merosakkan sampah. Soalan kaola, koala ingin bertanya apakah pendapat pihak jabatan yang berkenaan ataupun cara untuk mengelakkan kejadian yang serupa ini

tidak berlaku berulang-ulang bagi mengurangkan rungutan orang ramai?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola akan membawakan 2 perkara. Kalau kaola tidak silap pada tahun 2012 di Dewan yang mulia ini, kaola pernah membangkitkan *Power of Attorney*. Kini sudah 4 tahun kaola belum lagi mendengar apa-apa cara yang mudah dan cermat bagi memberi pengurusan yang terbaik kepada negara dan orang-orang yang terlibat dengannya. Apa yang kaola khawatiri sejak *Power of Attorney* ini terbantut beberapa tahun, banyak dalam surat khabar tawarantawaran penjualan rumah luar negeri nampaknya banyak kejayaan bagi menarik pembeli-pembeli tempatan membeli rumah-rumah di luar negeri.

Ini boleh diertikan berjuta-juta ringgit Brunei *outflow of fund* telah keluar

selama ini. Ini boleh mengurangkan *cashflow* negara yang tidak baik kepada ekonomi terutama sekali sekarang negara menghadapi ekonomi yang mencabar disebabkan oleh harga minyak begitu jauh murahanya. Soalan kaola:-

1. Bilakah masalah *Power of Attorney* ini dapat ditangani dan apakah ia akan diselaraskan dengan hasrat negara untuk menarik Pelabur-Langsung Asing (*FDI*) ke negara ini dengan membuat satu skim atau satu pakej bagi tarikan kepada pelabur-pelabur asing itu supaya dapat mempunyai rumah secara *leasehold* dengan tempoh tertentu bagi keyakinan (*confident*) diri mereka untuk melabur wang mereka yang berjuta-juta ringgit dalam negeri ini justeru membantu menaikkan **KDNK; dan**
2. Pengurusan jalan raya di negara ini melibatkan banyak agensi kerajaan. Tentu sekali tidak ada agensi kerajaan yang menumpukan pengurusan penuh masa harian hal-ehwal jalan raya. Kalau dilihat dari segi amalan pengurusan yang terbaik jalan raya di negeri ini, sukar untuk dicapai kerana tidak ada satu agensi kerajaan berkuasa penuh terhadapnya. Ini menyebabkan kelambatan kerja-kerja kecemasan dikendalikan, contoh beberapa tahun yang lalu apabila hujan lebat turun berjam-jam lamanya hingga menyebabkan terowong di pusing keliling berdekatan dengan Masjid Jame 'Asr dipenuhi dengan air.

Selepas air sudah surut, jalan raya tidak dibersihkan beberapa hari.

Mengimbas beberapa tahun dulu, terjadi lagi satu kejadian di jalan raya Jangsak Gadong, paip di bawah jalan itu pecah, air memancut keluar dengan derasnya dan tidak dapat dikawal atau diperbaiki dengan cepat. Ada lagi kejadian jalan raya di Jalan Tutong berdekatan dengan Hospital RIPAS yang jalannya berlubang besar menyebabkan gangguan kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan tersebut ke jalan lain dan menyebabkan kesesakan jalan raya dan menyusahkan pergerakan kenderaan sekali gus melibatkan keseluruhan jalan raya di sekitar kawasan itu. Masalah ini sering berlaku seperti paip pecah, pokok-pokok tumbang, bangkai binatang yang mati telah tidak dibersihkan hingga badan binatang itu hancur berderai.

Laporan Tahun 2014, jalan raya di bawah jagaan JKR, *District Office, ABDB* sepanjang 3,191.2 kilometer, *figure* petikan dari Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi dan panjangnya jalan raya negara kita dan juga kenderaan sebanyak 166,213 tentu sekali jalan raya kita terlalu sibuk semasa waktu *peak hours*. Maka pengurusan jalan raya sepenuh masa harian amatlah perlu supaya dapat mengurus dengan baik dan untuk lebih mengetahui bilakan merancang, menambah, memulih baik penjagaan, pemuliharaan dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Pengerusi, soalan kaola, adakah Kementerian

Pembangunan mempunyai rancangan hendak mengambil alih keseluruhan pengurusan jalan raya sepenuh masa harian supaya keadaan seperti kaola sebutkan tadi tidak begitu rumit atau sebaliknya demi mengurus jalan raya dengan amalan yang terbaik. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mempunyai 3 orang ahli lagi yang suka untuk turut serta dalam perbincangan mengenai Tajuk ini. Walau macam manapun, bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk meneliti soalan-soalan yang telah dikemukakan, maka saya berpendapat ada baiknya perbincangan bagi Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya suka untuk menangguhkan persidangan ini. Insyallah kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Rabu, 7 Jamadilakhir 1437 bersamaan 16 Mac 2016 seperti biasa pada pukul 9.00 pagi.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Taala Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)